

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

03
AUG

PENGARAH KAMPUS KEJURUTERAAN KENDALI KURSUS MENGURUS PTJ: CABARAN DAN STRATEGI



KOD KURSUS
YYG103

**PENGURUSAN PTJ :
Cabaran dan Strategi**

ISNIN, 7 OGOS 2017
9.00 PAGI - 4.30 PETANG

DEWAN PERSIDANGAN UNIVERSITI (DPU)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

TERBUKA KEPADA SEMUA
PEGAWAI TADBIR
DAN
PEGAWAI
(PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)

6
MATA
CPD

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
Pengarah
Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia

PULAU PINANG, 2 Ogos 2017 - Pengarah Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria akan berkongsi kepakaran dan pengalaman lebih 23 tahun dalam pentadbiran dan lebih 16 tahun menerajui kecemerlangan Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC) bersama warga kampus dan mereka yang berminat.

Kursus ini akan diadakan pada hari Isnin, 7 Ogos 2017, di Dewan Persidangan Universiti (DPU) mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Nor Azazi membuktikan keunggulannya sehingga membawa REDAC menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) dalam Teras Perkhidmatan nic "Sustainable Urban Stormwater Management" dengan memperolehi dana peruntukan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi bernilai RM9 juta.

Pengiktirafan yang diterima pada tahun 2014 ini juga telah mencatat sejarah USM kerana REDAC adalah pusat penyelidikan pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan ini dalam Tujahan Perkhidmatan.

Kecemerlangan REDAC terbukti dengan keupayaan membawa masuk banyak projek perundingan daripada pelbagai agensi swasta dan kerajaan dengan nilai semasa projek-projek ini termasuk geran yang masih aktif adalah melebihi RM30 juta.

Beliau berjaya membina rangkaian penyelidikan dengan pelbagai institusi dari luar negara dan antaranya daripada HR Wallingford United Kingdom, Deltares, Delft, Indian Institute Roorkee serta yang terbaru adalah daripada International Association for Hydro-Environment Engineering and

Research (IAHR) yang merupakan Persatuan Air terbesar di dunia.

Yang berminat mengikuti kursus anjuran Pusat Transformasi Insan ini boleh menghubungi En. Mohd Faizal Md Osman di talian 04 653 6440 (mfaizal@usm.my (mailto:mfaizal@usm.my)) atau Nur Azirah Adnan di talian 04 653 6448 (nurazirah@usm.my (mailto:nurazirah@usm.my))

Teks: Mohd Faizal Md Osman (Pusat Transformasi Insan USM)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (mailto:pro@usm.my).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (http://www.usm.my).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015